

# PENDEX

RUBBER PRODUCT

DISEDIAKAN UNTUK:

ENCIK ABDUL HAMID B. MAIDEEN  
PENSYARAH ETR 300  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN OLEH:

|                              |          |
|------------------------------|----------|
| ANNA BT. AHMAD               | 94518768 |
| NAJWANA BT. ABDUL HAMID      | 94383855 |
| JUNAIDAH BT ABDUL MUTALIB    | 94616744 |
| MOHD.HAFIZ B. HJ ABDUL ADZIZ | 94516598 |
| MOHD. SAFIAN B. RAMLI        | 94606112 |

DIPLOMA PENTADBIRAN & UNDANG-UNDANG  
DPA 5B  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

Diploma Pentadbiran Awam 5(B)  
Kajian Pentadbiran & Undang-undang  
ITM Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka

---

En. Abdul Hameed B. Maideen  
Pensyarah ETR 300  
ITM Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka.

18 Oktober 1996

Tuan

Laporan Rancangan Perniagaan


Kami yang terdiri daripada 5 orang pelajar dari kursus Diploma Pentadbiran Awam, dengan ini mengemukakan satu cadangan Rancangan Perniagaan yang bertajuk pengeluaran '*Radiator Hose*' oleh satu syarikat yang kami cadangkan iaitu *PENDEX Rubber Products* sebagai memenuhi syarat bagi pengajian semester 05 Diploma Pentadbiran Awam di bawah matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

2. Di dalam menjayakan projek ini beberapa pihak telah terlibat secara langsung atau tidak langsung di mana segala kerjasama mereka telah menghasilkan cadangan Rancangan Perniagaan ini.

3. Kami mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak tuan yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat serta kritikan yang membina di dalam proses menyiapkan laporan cadangan Rancangan Perniagaan ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak yang telah sudi dan sanggup meluangkan masa memberi maklumat-maklumat yang diperlukan.


Sekian, terima kasih.

Yang benar,




---

(Anna Bt. Ahmad)




---

(Mohd. Hafiz B. Abdul Adziz)




---

(Junaidah Bt. Abdul Mutalib)



---

(Najwana Bt. Abdul Hamid)



---

(Mohd. Safian B. Ramli)

## ISI KANDUNGAN

| BIL | PERKARA                        | MUKA SURAT |
|-----|--------------------------------|------------|
| 1.  | Surat Penyerahan Tugas         | i          |
| 2.  | Sekapur Sireh                  | iii        |
| 3.  | Penghargaan                    | iv         |
| 4.  | Pengenalan                     | 1          |
| 5.  | Tujuan                         | 4          |
| 6.  | Latar Belakang Projek Cadangan | 6          |
| 7.  | Cadangan Rancangan Pemasaran   | 11         |
| 8.  | Cadangan Rancangan Pentadbiran | 21         |
| 9.  | Cadangan Rancangan Operasi     | 38         |
| 10. | Cadangan Rancangan Kewangan    | 49         |
| 11. | Lampiran                       |            |

## 1.0 PENGENALAN

PENDEX Rubber Product merupakan sebuah syarikat yang dicadangkan akan mengeluarkan dan mengedarkan *radiator hose* atau *saluran radiator*. Adalah dicadangkan agar syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh bumiputra dan syarikat ini hanya mengeluarkan saluran radiator secara komersil untuk keperluan kereta-kereta keluaran negara.

Sepertimana yang diketahui, Malaysia mengeluarkan lebih kurang 240 000 buah kereta setahun. Namun 98% daripada komponen-komponen yang digunakan dalam pembuatan kereta-kereta tersebut adalah diimport dari luar negara khususnya Jepun. Menyedari hakikat ini, sebagai usaha untuk mengurangkan pengaliran wang keluar negara, kerajaan telah menggalakan usahawan-usahawan untuk menceburi bidang pembuatan barangan kereta terutama yang berasas getah.

Ini memberikan peluang kepada kami untuk mencadangkan satu bidang pengeluaran berasaskan getah iaitu saluran radiator yang dikelasifikasikan sebagai *General Rubber goods (GRG)* atau *Barang Getah Umum* yang mana ia mempunyai prospek yang begitu meluas lagi menguntungkan.

### 1.1 Latarbelakang Perindustrian Getah

Getah asli atau nama botaninya '*Hevea Brasiliensis*' ditanam pada tahun 1877 akibat daripada kejatuhan harga kopi. Namun begitu, minat untuk menanam getah sebagai tanaman perdagangan hanya bermula pada 1890-an. Dengan kedudukan harga yang tinggi kesan daripada peningkatan permintaan, terutamanya bagi membuat tayar jumlah kawasan tanaman getah telah meningkat selepas tahun 1900. Sejak itu keluasan kawasan tanaman getah terus meningkat.

Kini selepas 119 tahun pokok getah ini diperkenalkan, getah asli masih lagi memberikan sumbangan yang penting kepada ekonomi negara dan merupakan tanaman yang paling penting dalam sektor pertanian khususnya.

Namun begitu, pada tahun 1940 industri getah tempatan melangkah setapak lagi dengan penemuan getah campuran ataupun getah sintetik. Hasil daripada penemuan ini, barangan baru yang berasaskan getah berjaya dikeluarkan terutamanya barangan getah umum atau '*General Rubber Product*' seperti '*automotive radiator hose*', '*air-conditioner engine by pase hoses*', '*high pressure hoses*', '*heater hoses*', '*liquid petroleum gas hoses*' dan banyak lagi yang lebih bermutu tinggi atau lebih lama dengan penggunaan getah sintetik ini.

Dengan penemuan ini, import negara bagi barangan tersebut di atas telah berjaya dikurangkan dan secara tidak langsung pengaliran mata wang negara turut